

18/06/2002

Sulaiman harap Melayu terus sokong perjuangan Umno

KUALA LUMPUR, Isnin - Pengerusi Tetap Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah, berharap orang Melayu akan terus bersatu di bawah Umno apabila memahami perjuangannya menerusi buku terbaru yang akan dilancarkan Selasa ini, sempena Perhimpunan Agung Umno.

Merujuk buku berjudul `Tun Sulaiman Ninam Shah, Pengerusi Tetap Umno', beliau berkata, orang Melayu tidak dapat menafikan Umno adalah satu-satunya parti Melayu yang dapat mempertahankan hak dan kedaulatan mereka.

Beliau berkata, hakikat ini terbukti dan kerana itu beliau terus kekal bersama Umno sejak sebelum merdeka walaupun dipujuk pelbagai parti Melayu lain.

"Saya berharap semua orang Melayu bersatu dan menyokong Umno yang boleh mengekalkan hak orang Melayu.

"Itulah harapan saya sebab walaupun dipujuk parti lain seperti Parti Negara, Semangat 46 dan Pas, saya tidak keluar daripada Umno. Saya tetap dalam Umno kerana Umno inilah saja yang boleh menjaga hak dan kedaulatan orang Melayu," katanya ketika ditemui di ibu pejabat Umno di sini, semalam.

Buku setebal 298 muka surat itu akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa ini.

Sulaiman, 83, adalah Pengerusi Tetap Umno yang kesebelas dan beliau memegang jawatan itu sejak tahun 1975.

Sulaiman berkata, penerbitan buku berkenaanberikutan permintaan dan desakan ahli veteran Umno yang mahukan beliau merakamkan sejarah Pengerusi Tetap Umno sejak ia ditubuhkan pada 1946.

Katanya, beliau mengambil masa tiga tahun untuk menyiapkan buku itu dengan bantuan dua penyelenggara iaitu Wan Mohd Mahyiddin dan Harun Johari.

"Pengerusi Tetap yang ada dalam sejarah Umno ialah 11 orang. Semuanya melainkan saya sudah meninggal dunia," katanya.

Buku itu akan diberikan kepada setiap ahli Majlis Tertinggi, semua 165 bahagian Umno, Jawatankuasa Pergerakan Pemuda Umno, Wanita Umno serta Puteri Umno.

(END)